

14 JUL 2001

Mahathir-DTC

PUNCA KEBAKARAN DTC BELUM KONKLUSIF, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 14 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata siasatan terhadap kebakaran Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya belum menemui punca kejadian itu secara konklusif tetapi kemungkinan perbuatan khianat masih belum boleh ditolak.

Perdana Menteri berkata beliau telah menerima laporan siasatan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis dan Jabatan Kimia tetapi ketiga-tiga agensi itu tidak dapat memastikan punca sebenar kejadian itu.

"Mereka tidak dapat persetujuan tentang asal sebabnya perkara yang berlaku, walaupun ada tanda-tanda yang menunjuk kepada masalah elektrik, barangkali ada litar pintas dan sebagainya, tetapi tidak begitu jelas," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi ketiga majlis Dialog Belanjawan 2002 di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan diminta mengulas laporan siasatan pihak berkuasa mengenai kebakaran DTC pada 29 Jun lepas yang memusnahkan dewan berusia 37 tahun itu.

Naib Canselor UM Prof Datuk Dr Anuar Zaini Mohamed Zain sebelum ini berkata bahawa pihak universiti itu tidak menolak kemungkinan insiden kebakaran berkenaan berpunca daripada perbuatan khianat.

Dr Anuar Zaini dilaporkan berkata bahawa unsur perbuatan khianat tidak boleh ditolak kerana pada masa yang sama, terdapat risalah yang disebarkan termasuk melalui internet supaya para pelajar memboikot kedatangan pemimpin tertentu ke universiti itu beberapa hari sebelum kejadian.

Dr Mahathir yang ditanya sama ada unsur perbuatan khianat turut dinyatakan dalam laporan siasatan kebakaran itu berkata: "Mereka tidak dapat mengesan secara jelas sama ada perbuatan khianat dilakukan, namun kita tidak boleh menolak kemungkinan itu".

Sementara itu, Dr Anuar Zaini berkata di Kuala Lumpur hari ini bahawa punca kebakaran DTC hanya akan diumumkan apabila laporan rasmi mengenai punca kejadian diperolehi.

"Sekarang ini saya belum terima laporan rasmi dan saya enggan komen mengenainya. Apabila dapat laporan rasmi, saya akan memanggil anda (media) semua," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan diploma kepada 394 graduan yang mengikuti kursus diploma Fakulti Perubatan dan Pusat Perubatan UM.

Sementara itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam satu kenyataan berkata ia sebelum ini tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan hasil siasatan terhadap kebakaran itu kepada mana-mana media.

Ketua Unit Perhubungan Awam jabatan itu, Norizan Sulaiman berkata pihaknya mendapati banyak spekulasi di media tempatan berhubung laporan kebakaran DTC dengan menyatakan sumber berita mereka diperolehi daripada jabatan berkenaan.

Menurutnya, jabatan itu telahpun menyiapkan laporan kebakaran DTC dan ia telah diserahkan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting dan polis.

"Dalam hal ini, jabatan bertindak atas peruntukan Seksyen 5(1)(b) Akta Perkhidmatan Bomba 1988 iaitu bagi menjalankan penyiasatan tentang sebab, punca dan hal keadaan kebakaran," jelas beliau.

Katanya pihak media harus mengelak daripada membuat sebarang spekulasi berhubung kebakaran itu.

-- BERNAMA

AFY FA MAM RON

